PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Wajibkan pendidikan moral demi pupuk integriti dari kanak-kanak



TIDAK salah jika Malaysia mengikuti sistem pembelajaran dari luar negara yang memberi manfaat kepada pelajar dan masa depan mereka. – PEJABAT PERUNDINGAN JEPUN

- Oleh Rahman Mohd. Din
- 1 Oktober 2024, 8:10 am

SELARI dengan peribahasa Melayu, 'meluntur buluh biarlah dari rebungnya', pemupukan integriti dalam kalangan kanak-kanak adalah penting, kerana ia boleh menetapkan asas yang kuat bagi kanak-kanak supaya menjadi seorang yang bertanggungjawab, beretika, bermoral dan mempunyai keperibadian yang baik. Dalam konteks ini, kita mungkin boleh belajar dari negara-negara luar seperti Jepun, Sweden dan Denmark berkaitan dengan amalan dan kaedah yang berkesan dalam memupuk integriti dan nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak.

Di Jepun, integriti dan nilai-nilai murni dipupuk melalui sistem pendidikan dan amalan budaya masyarakatnya.

Sekolah Jepun menekankan pendidikan moral melalui kelas moral (dōtoku) yang memberi tumpuan kepada pembangunan watak dan tingkah laku beretika. Sejak kecil, kanak-kanak Jepun diajar kepentingan kejujuran, rasa hormat dan tanggungjawab.

Satu contoh yang ketara ialah amalan membersihkan sekolah. Pelajar Jepun mengambil bahagian dalam rutin pembersihan harian.

Mereka bukan sahaja mempelajari tentang kepentingan kebersihan tetapi juga memahami nilai tanggungjawab bersama.

Amalan ini akhirnya mengukuhkan integriti, nilai-nilai murni dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Selain itu, budaya Jepun turut menekankan konsep ‘wa’, atau keharmonian, yang mengajar kanak-kanak untuk mempertimbangkan kesan setiap tindakan mereka terhadap orang lain.

Konsep ‘wa’ ini dapat mendidik kanak-kanak supaya bertindak dengan berintegriti demi untuk mengekalkan keharmonian sosial.

Sweden pula terkenal dengan pendekatan pendidikan progresifnya yang menggalakkan kesaksamaan dan bertanggungjawab. Sistem pendidikan Sweden memberi tumpuan kepada pemupukan rasa tanggungjawab dan rasa hormat terhadap orang lain.

Pendekatan ini menggalakkan kanak-kanak menyuarakan pendapat mereka serta mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan, yang akhirnya memupuk nilai adil dan integriti.

Sekolah-sekolah di Sweden juga menekankan kepentingan perbincangan mengenai moral dan nilai demokrasi. Sebagai contoh, pelajar melibatkan diri dalam aktiviti yang memerlukan mereka mengemudi dilema etika dan bekerja secara kolaboratif.

Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman mereka tentang prinsip moral tetapi juga melengkapkan mereka dengan kemahiran untuk bertindak dengan berintegriti dalam pelbagai situasi.

Selain itu, sistem kebajikan sosial di Sweden berteraskan model keadilan dan kesaksamaan.

Sistem ini mengajar kanak-kanak tentang kepentingan menyumbang kepada kebaikan bersama dan menghormati hak orang lain.

Manakala, Denmark pula memberikan penekanan yang kuat terhadap empati dan kepercayaan dalam rangka kerja pendidikannya.

Sekolah di Denmark memberi tumpuan kepada mewujudkan persekitaran yang mana kanak-kanak belajar memahami dan menghormati perasaan masing-masing.

Penekanan kepada kecerdasan emosi ini memainkan peranan penting dalam menjadikan integriti sebagai budaya.

Satu pendekatan yang digunapakai di Denmark ialah dengan memperkenalkan konsep ‘hygge’, yang memupuk semangat kekitaan dan kesejahteraan masyarakat.

Kanak-kanak mempelajari nilai kepercayaan dan saling menghormati melalui aktiviti kerjasama dan komunikasi terbuka. Melalui pendekatan ini, komitmen mereka terhadap tingkah laku beretika dapat disemai.

Pendidikan di Denmark juga menggabungkan perbincangan tentang nilai moral dan tanggungjawab sosial.

Kanak-kanak digalakkan untuk mempertimbangkan implikasi yang lebih luas daripada setiap tindakan mereka dan akhirnya membuatkan mereka bertindak dengan berintegriti dalam interaksi mereka dengan orang lain.

PROJEK KHIDMAT MASYARAKAT

Pada pendapat saya, penyepaduan amalan global ini ke dalam sistem pendidikan boleh meningkatkan pemupukan nilai-nilai murni dan integriti dalam kalangan kanak-kanak di negara ini.
Mungkin mewajibkan pendidikan moral kepada semua pelajar yang beragama Islam, sama seperti Jepun menekankan pendidikan moral melalui kelas khusus merupakan salah satu pendekatan yang baik.

Pendidikan moral sedia ada boleh ditambah baik dengan penekanan tentang etika, jujur, tanggungjawab dan rasa hormat dapat menjadikan asas yang kukuh untuk kanak-kanak memahami selain mengamalkan integriti.

Dengan menjadikan amalan pembersihan sekolah di Jepun sebagai contoh, sekolah di Malaysia boleh melaksanakan aktiviti yang menggalakkan tanggungjawab bersama dalam memastikan kebersihan di sekolah terpelihara.

Menggalakkan kanak-kanak mengambil bahagian dalam projek khidmat masyarakat atau tugas penyelenggaraan sekolah boleh mengajar mereka tentang nilai menyumbang kepada kebaikan bersama dan bekerja sebagai satu pasukan.

Mencontohi fokus Sweden pada nilai demokrasi, sekolah di negara ini boleh mewujudkan platform untuk kanak-kanak membincangkan isu moral dan integriti.

Menggalakkan dialog terbuka tentang dilema etika serta nilai peribadi boleh membantu kanak-kanak mengembangkan kemahiran berfikir kritis dan pemahaman yang lebih mendalam tentang integriti.

Berdasarkan penekanan Denmark terhadap empati pula, pendidikan di Malaysia boleh menyediakan program yang menumpukan pada kecerdasan emosi dan aktiviti membina empati.

Dengan mengajar kanak-kanak memahami dan menghormati pelbagai perspektif, mereka lebih berkemungkinan bertindak dengan integriti dalam interaksi mereka.

Sama seperti pendekatan Denmark, sekolah di negara ini juga harus berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan pelajar berasa disokong dan dihargai. Suasana yang positif serta inklusif boleh mengukuhkan kepentingan kepercayaan, rasa hormat dan tingkah laku beretika.

Saya juga berpendapat Malaysia boleh memupuk budaya integriti sejak usia muda dengan menyediakan kanak-kanak menjadi warganegara yang beretika dan bertanggungjawab.

Mengintegrasikan pendidikan moral, tanggungjawab bersama, dialog terbuka, empati dan persekitaran yang menyokong ke dalam rangka kerja pendidikan boleh mewujudkan asas yang kukuh untuk menjadikan integriti sebagai budaya.

Tambahan pula, dengan menjadikan junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang dikenali sebagai seorang pemuda jujur dan beramanah sebagai asas, maka pendekatan-pendekatan global dibincangkan dapat diintegrasikan dengan penekanan kepada pemupukan nilai jujur serta beramanah dalam kalangan kanak-kanak dalam mewujudkan masyarakat Madani berintegriti tinggi.-UTUSAN

PENULIS ialah Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM).